

# Kebebasan Institusi Kehakiman Dalam Islam

Md. Saleh Haji Md. @ Haji Ahmad

## Abstract

*The article begins by outlining the function of judiciary and the importance of its impartiality. It briefly discusses the concept of separation of power and the view of Islam on such a concept. The remaining part of the article focuses on the role and code of ethics of a judge in Islamic law*

## Pendahuluan

Pada asalnya tugas kehakiman dan pengadilan itu adalah tanggungjawab ketua negara. Tetapi oleh kerana kesibukan dengan tugas-tugas pemerintahan dan pentadbiran negara, maka menjadi kewajiban ketua negara melantik penggantinya bagi mengendalikan tugas-tugas kehakiman dan melaksanakan pengadilan di antara pihak-pihak yang bertikai. Hakim yang dilantik wajib melaksanakan tugas berdasarkan ilmu dan ijtihadnya. Dengan itu dari segi pekerjaan seolah-olah ia bebas sama sekali dari sebarang pengaruh dan sebarang ikatan dengan negara. Namun begitu ia tetap mempunyai ikatan dengan negara atas sifatnya sebagai pegawai kerajaan dan ia menjalankan tugasnya di bawah pengawasan pihak berkuasa.<sup>1</sup>

## Konsep Kebebasan Hakim

Tugas hakim ialah menyelesaikan persengketaan dan perbalahan di antara manusia. Dengan itu hakim perlu menjauhkan diri dari sebarang pengaruh, tekanan atau campurtangan yang boleh mempengaruhi neraca keadilan yang berada ditangannya. Atas asas ini prinsip kebebasan hakim adalah di antara prinsip-prinsip penting dalam sistem kehakiman.

Apa yang dimaksudkan dengan konsep kebebasan hakim itu, ialah hakim mesti aman dan bebas dari sebarang campurtangan mereka yang tidak berkenaan. Maka badan perundangan dan badan eksekutif tidak harus mencampuri urusan kehakiman atau mempengaruhinya, seperti mana juga badan kehakiman tidak boleh, mencampuri dalam tugas-tugas dua badan perundangan dan eksekutif.

Justeru ini, badan perundangan tidak dibenarkan tampil untuk menyelesaikan persengketaan yang berlaku di antara manusia, atau menggubal undang-undang yang bertujuan membataskan cara penyelesaian dalam satu-satu pertikaian yang dirujuk kepada badan kehakiman, atau bertujuan meminda mana-mana keputusan yang telah dikeluarkan oleh mahkamah, atau bertujuan menghentikan pelaksanaan keputusan tertentu. Demikian juga badan eksekutif tidak dibenarkan mengeluarkan apa-apa arahan atau perintah kepada para hakim dalam perkara yang berkaitan dengan jawatan dan urusan kehakiman. Sebaliknya badan eksekutif hanya berkewajipan melaksana segala keputusan-keputusan badan kehakiman walaupun terpaksa menggunakan kekuatan jika perlu.

Kebebasan hakim juga memberi erti bahawa para hakim sendiri merasai aman di atas prinsip-prinsip kehidupan mereka, aman dari tipu daya kakitangan pentadbiran atau individu-individu terhadap mereka.<sup>2</sup> Dengan kata lain terdapat pengasingan kuasa atau tugas di antara badan-badan ini.

Konsep pengasingan kuasa ini turut diamalkan di Malaysia. Perlembagaan Malaysia memperuntukkan, bahawa badan kehakiman<sup>3</sup> terpisah dari eksekutif dan parlimen, dengan bidangkuasa eksekutif untuk memutuskan pertikaian tentang hak dan liabiliti di bawah perlembagaan<sup>4</sup> dan undang-undang badan kehakiman seperti yang wujud sebelum merdeka, bebas dari kawalan dua cabang kerajaan dan daripada siapa pun; oleh itu dapat memberi keadilan dengan tidak berat sebelah, tanpa takut atau pilih kasih.<sup>5</sup>

Pemisahan kuasa-kuasa kerajaan ini adalah suatu konsep baru yang diciptakan oleh ahli falsafah Perancis Montesquieu (1689 - 1755 M.). Konsep ini menjadi dasar kepada undang-undang Inggeris sebagai contoh sistem demokrasi.<sup>6</sup>

Matlamat pemisahan atau pengasingan tiga-tiga kuasa (perundangan, eksekutif dan kehakiman) itu menurut pandangan Barat ialah untuk menghalang dari terkumpul ketiga-tiga kuasa di tangan satu orang sahaja yang mana ini boleh membawa kepada hilang kebebasan individu sekiranya pembuat undang-undang, hakim dan pelaksana adalah orang yang sama. Walau bagaimanapun pengasingan kuasa-kuasa ini tidaklah bererti putus sama sekali hubungan di antara satu sama lain. Kerana suatu bentuk kerjasama di samping menjaga batas bidang kuasa masing-masing amat diperlukan bagi memelihara kepentingan awam masyarakat.<sup>7</sup>

## Pemisahan Kuasa-kuasa Dalam Islam

Konsep pemisahan kuasa dalam Islam tidak sama dengan prinsip pemisahan kuasa seperti mana yang dikenali di Barat. Ini kerana kuasa perundangan dalam Islam pada dasarnya di tangan Allah s.w.t. Majlis syura Islam yang mula dibentuk pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq r.a. tidak menjalankan tugas menggubal undang-undang sepertimana yang terdapat dalam sistem demokrasi Barat, tetapi ia bertindak sebagai mengeluarkan suatu bentuk hukum-hukum dari dasar, prinsip dan kaedah-kaedah am yang bersumberkan wahyu.

Berdasarkan konsep perundangan dalam Islam ini ternyatalah kuasa perundangan telah terpisah dengan sendirinya dari dua kuasa iaitu eksekutif dan kehakiman. Justeru itu orang Islam tidak merasakan perlu mencari satu cara lain bagi mengelakan dari terkumpul kuasa-kuasa di tangan satu orang, lebih-lebih lagi jaminan kebebasan individu berasaskan kepada prinsip "sama rata di hadapan Syariat"<sup>8</sup> dan prinsip "tidak harus taat kepada mana-mana makhluk dalam penderhakaan kepada *Khaliq* (Allah)".<sup>9</sup>

Kuasa eksekutif dan kehakiman, dalam tradisi awal Islam menganggap kedua-duanya sebagai satu kuasa sahaja, kerana para hakim yang dilantik bagi menjalankan tugas kehakiman dalam wilayah-wilayah Islam bagi pihak gabenor-gabenor seringkali melakukan tugas-tugas eksekutif. Gabenor-gabenor pula kadangkala menjalankan tugas-tugas kehakiman, lebih-lebih lagi dalam perkara yang melibatkan kes-kes jenayah.<sup>10</sup>

Oleh kerana sistem kehakiman dalam Islam berdasarkan kepada nas-nas wahyu, maka ia tetap mengatasi kuasa pelaksana (eksekutif). Dengan itu orang yang paling tinggi dalam badan eksekutif ini pun (Imam/ketua negara), tidak dapat mengelak diri dari dibicarakan di mahkamah.<sup>11</sup>

Islam telah lama mengenali konsep pemisah di antara dua kuasa, iaitu kuasa perundangan di satu pihak dan kuasa eksekutif bersama kuasa kehakiman di satu pihak yang lain, di samping ketinggian kuasa kehakiman atas sifatnya sebagai penyampai dan pernyataan hukum dari Allah dengan kuasa yang mengikat pihak-pihak yang bertikai. Dengan ini kehakiman Islam telah memperolehi kebebasan yang sempurna.<sup>12</sup>

Baginda Rasulullah s.a.w. sebagai ketua negara di al-Madinah, bertindak sebagai ketua eksekutif dan turut menghakimi pertelingkahan yang timbul di kalangan masyarakat pada ketika itu. Baginda menghantar para sahabatnya ke beberapa wilayah Islam yang dikuasai, dan seterusnya memandatkan kepada mereka semua kuasa. Baik dalam urusan menyampaikan dakwah Islam, menjaga keamanan dan peraturan, mentadbir urusan-urusan negeri dan mengendalikan urusan kehakiman.

Keadaan ini berterusan sepanjang hayat baginda. Demikian juga waktu pemerintah Abu Bakar yang beliau sendiri mengendalikan kehakiman di samping tugas-tugas ketua negara, walaupun beliau pernah menyerah kepada Umar bin al-Khattab urusan kehakiman di al-Madinah tetapi tidak digelarkannya sebagai kadi

atau hakim. Adapun di luar Madinah, tugas kehakiman merupakan salah satu tugas gabenor-gabenor, maka zaman Abu Bakar tidak ada pemisahan urusan kehakiman dari urusan pemerintahan. Ini adalah disebabkan kerja-kerja kadi di waktu ini amat sedikit, kerana orang-orang Islam wara', baik dan suka bertolak ansur dan tidak mahu bergaduh, sehingga tidak ada orang yang datang kepada Umar bin al-Khattab membuat aduan semasa beliau ditugas oleh Abu Bakar mengendalikan urusan kehakiman selama dua tahun. Akan tetapi selepas negara Islam bertambah luas di zaman Umar bin al-Khattab dan Islam tersebar di merata pelusuk semenanjung Arab dan sekelilingnya dan banyak negara yang dibuka, tugas-tugas gabenor makin bertambah dalam negeri-negeri Islam yang besar. Keadaan ini memerlukan khalifah menumpukan tenaganya kepada urusan-urusan luar dan dalam negara, maka khalifah Umar mengeluarkan arahan supaya dipisahkan tugas-tugas kehakiman dari tugas-tugas pemerintahan. Beliau melantik hakim-hakim di ibu negara al-Madinah dan beberapa negeri Islam yang lain. Beliau melantik Abu al-Darda' sebagai hakim di al-Madinah, Syuraih bin Harith sebagai hakim di Kufah, Abu Musa al-Asy'ari di Basrah dan 'Uthman bin Qais di Mesir.<sup>13</sup>

Era pemisahan kuasa kehakiman dari kuasa eksekutif jelas bermula pada zaman pemerintah Khalifah Umar al-Khattab. Maka tugas menyelesaikan persengketaan di antara manusia adalah tugas para hakim sahaja. Justeru itu hakim-hakim dalam Islam bebas dari setiap orang yang cuba mempengaruhinya sama ada dari kakitangan eksekutif mahupun dari pihak-pihak berkuasa atau kaum keluarga. Fakta pemisahan kuasa ini dapat dilihat dari kenyataan di bawah ini:

Al-Auza'i berkata: "orang yang pertama memegang jawatan kehakiman di Palestin ialah Ubadah bin al-Samit, sedangkan gabenor Palestin ketika itu ialah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sebagai wakil khalifah Umar bin al-Khattab". Pada satu ketika Mu'awiyah telah menyalahi Ubadah dalam satu perkara, lalu Ubadah membantah tindakan Mu'awiyah itu, kemudian Mu'awiyah menjawab balik dengan bahasa yang kasar, maka 'Ubadah pula berkata: "aku tidak akan bersama denganmu di satu bumi buat selama-lamanya" dan terus beliau meninggalkan Palestin, balik menuju al-Madinah, kemudian apabila Umar menemuinya dan bertanya: "apa yang menyebabkan kamu pulang?" lalu beliau pun menceritakan keadaan yang berlaku. Maka Umar berkata: "kamu mesti pulang ke tempat kamu, Allah akan memburukkan bumi yang tidak ada padanya kamu dan orang yang semacam kamu." Kemudian beliau menulis surat kepada Mu'awiyah: "tidak ada kuasa bagi kamu ke atas Ubadah."<sup>14</sup>

Dengan demikian, ternyata bahawa Umar telah bertindak menghalang kuasa eksekutif dari mencampuri urusan kuasa kehakiman dan beliau juga mencabut kekuasaan gabenor apabila berhadapan dengan hakim, maka beliau menjadikan hakim tertakluk secara langsung kepada khalifah.

### **Tidak Harus Campur Tangan Dalam Urusan Hakim**

Pengadilan atau penghakiman ialah memberitahu akan hukum syarak atas

bentuk yang mengikat pihak-pihak yang berkenaan. Orang yang memberitahu ini ialah hakim, maka siapa pun tidak harus campurtangan dalam urusan hakim dengan tujuan hendak selewengkannya dari memberitahu atau menjatuhkan hukuman berdasarkan hukum syarak yang sebenar. Islam memerintahkan berlaku adil dalam hukuman kerana Allah berfirman yang ertinya:

*“Dan apabila kamu menghukum di antara manusia hendaklah kamu menghukumkan dengan adil”*

*(surah an-Nisa’: 58)*

Maka siapa yang campurtangan dengan tujuan hendak memesongkannya dari berlaku adil dalam hukuman, orang itu dianggap sebagai penentang Syariat Islam.

Menghukum dengan adil pada dasarnya tanggungjawab khalifah atau ketua negara, hakim adalah penggantinya dalam melaksanakan tanggungjawab syarak ini, maka khalifah tidak boleh campur dalam urusan hakim dengan tujuan memesongkannya dari menunaikan kewajiban ini, kerana campurtangan seperti itu suatu penentangan pelaksanaan Syariat Islam.<sup>15</sup>

### **Kehakiman Tanggungjawab Keagamaan**

Seorang hakim apabila menghukum sesuai dengan tuntutan syarak yang diketahuinya ia akan masuk syurga, sebaliknya apabila ia menghukum berlawanan dengan syarak dia akan masuk neraka. Kerana itulah hakim perlu menolak campurtangan luar dalam urusan kehakimannya yang bertujuan memesongkan dari menghukum dengan hukuman yang bertepatan dengan syarak. Rasulullah s.a.w. bersabda yang ertinya:

*“Para hakim ada tiga jenis. Satu dalam syurga dan dua lagi dalam neraka. Maka hakim yang dalam syurga itu ialah lelaki yang mengetahui akan kebenaran lalu ia menghukum berasas kepada kebenaran itu. Sementara lelaki yang tahu kebenaran tetapi ia zalim dan menyeleweng dalam hukuman maka ia dalam neraka. Dan lelaki yang menghukum manusia dalam keadaan jahil maka ia juga dalam neraka”<sup>16</sup>*

Dengan itu hakim tidak harus membiarkan berlaku campurtangan dalam tugas-tugas kehakimannya dari mana pihak sekalipun. Ini kerana hakim diwajibkan bebas dalam mengeluarkan satu-satu keputusan yang benar-benar berdasarkan kepada ijtihadnya. Justeru itu campur tangan oleh pihak berkuasa dalam urusan hakim adalah satu maksiat. Kalau pihak berkuasa berkeras mahu campur tangan juga dalam urusan hakim sedangkan ia tidak mampu mempertahankan kebebasannya dalam membuat satu-satu keputusan yang sebenar maka wajiblah ia meletak jawatan.

## Kebebasan Hakim Bukan Menghalang Dari Dibimbingi

Sebenarnya kebebasan hakim tidaklah bererti pihak berkuasa yang tertinggi dalam negara dilarang daripada memberi bimbingan dan tunjuk ajar. Sebagai seorang ketua negara, ia bertanggung-jawab memerhatikan tindak tanduk para hakimnya serta memberi nasihat dan bimbingan yang diperlukan dalam mengendalikan urusan kehakiman. Perkara ini pernah dilakukan oleh Umar bin al-Khattab terhadap kadi Abu Musa al-Asy'ari dalam risalahnya yang masyhur:

*“Adapun kemudian daripada itu, maka sesungguhnya kehakiman itu adalah suatu fardu yang ditetapkan dan merupakan sunnah (cara) yang mesti diikuti. Maka hendaklah kamu faham apabila pertikaian di bawa ke hadapan kamu, kerana sesungguhnya tidak ada gunanya memperkatakan yang hak tanpa pelaksanaannya. Saksamakanlah antara manusia (yang bertikai) pada tempat duduk dan pandangan kamu dan penghakiman kamu, agar orang bangsawan tidak akan tamak pada kezaliman kamu dan orang lemah tidak berputus asa untuk mendapat keadilan kamu”*

*“Keterangan adalah diwajibkan kepada pendakwa dan sumpah adalah dikenakan ke atas orang yang mengingkarinya. Perdamaian adalah diharuskan sesama Islam, kecuali perdamaian yang menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal. Dan sesiapa yang mendakwa sesuatu hak yang ghaib (tidak ada ditempatnya) atau sesuatu keterangan, maka hendaklah kamu tetapkan suatu tempoh yang akan berakhir kepadanya, kemudian kalau dia dapat membuktikannya maka berikanlah haknya itu, tetapi kalau dia gagal membuktikannya maka dia berhak dikalahkannya, kerana yang demikian itu lebih mantap bagi kezurannya dan lebih menampakkan barang yang tersembunyi”*

*“Suatu keputusan yang engkau telah jatuhkan hari ini, kemudian engkau tinjau kembali, lalu engkau memperolehi petunjuk, maka jangan sekali-kali keputusan itu menghalang engkau (dari ditarik balik dan) kembali kepada kebenaran. Kerana sesungguhnya kebenaran itu (harus) didahulukan, tidak dapat dibatalkan oleh apapun. Kembali kepada kebenaran itu lebih baik daripada terus bergelumbang dalam kebatilan”*

*“Orang Islam (dianggap) adil sebahagian mereka terhadap sebahagian yang lain, kecuali orang yang pernah memberi saksi palsu atau orang yang pernah dijatuhi hukuman had, atau orang yang diragukan tentang (hubungan) kesetiaan dan kekeluargaan, kerana sesungguhnya Allah yang mengetahui rahsia-rahsia manusia dan hindarkan hukuman ke atas mereka kecuali dengan adanya bukti-bukti atau sumpah-sumpah”*

*“Kemudian fahamilah dengan sungguh-sungguh tentang perkara yang diajukan kepada kamu, yang tidak dapat ketentuan hukumnya di dalam al-Quran dan tidak terdapat juga di dalam Sunnah Nabi s.a.w. Kemudian bandingkan perkara-perkara itu, dan perhatikanlah (perkara) yang serupa (hukumnya dengan perkara-perkara itu), kemudian pegangilah mana (hukum) yang menurut pendapatmu lebih diredai Allah dan lebih mendekati kebenaran.”*

*“Hindarkanlah dirimu dari marah, fikiran yang kacau, rasa jemu, menyakiti orang yang bertikai, dan bersikap keras pada waktu pertengkaran atau menghadapi mereka yang bertikai, kerana memutuskan perkara di tempat-tempat yang benar adalah termasuk pekerjaan yang diberi pahala oleh Allah dan membawa nama baik. Maka barangsiapa yang memurnikan niatnya demi mencari kebenaran walaupun merugikan diri sendiri maka Allah akan memberinya kecukupan antaranya dan manusia. Dan barangsiapa berlagak (memiliki keahlian) yang tidak ada pada dirinya, maka pasti Allah akan (membuka rahsia) kejelekannya itu, kerana sesungguhnya Allah tidak akan menerima (amal) dari hambaNya kecuali amal yang didasari dengan keikhlasan.”*

Al-Imam Ibnu al-Qayyim setelah selesai menyalin risalah berkata: “inilah sebuah penulisan agung, diterima oleh para ulama, lalu mereka membina di atasnya prinsip-prinsip penghakiman dan kesaksian. Para hakim dan mufti amat memerlukan kepadanya dan menelitinya serta berusaha memahaminya dengan mendalam.”<sup>18</sup>

#### **Ketua Negara Bertanggungjawab Mengawasi Hakim**

Hakim atas sifatnya sebagai wakil Khalifah dalam melaksanakan tanggungjawab kehakiman dan menyelesaikan persengketaan di antara manusia dengan adil, maka adalah menjadi hak Khalifah memerhatikan wakilnya bagi memastikan dia menjalankan amanah kehakiman sebaik mungkin. Bahkan Khalifah berkewajiban mengawasi para wakilnya sama ada para gabenor atau hakim bagi memastikan mereka menjalankan kerja-kerja sepertimana yang dikehendaki.

Kenyataan ini telah ditegaskan oleh para fuqaha:

*“Seharusnya imam (ketua negara) mengambil tahu hal ehwal dan kelakuan para hakimnya, kerana mereka inilah tulang belakang pemerintahannya dan tonggak kekuasaannya, demikian juga Kadi al-Jama`ah (Ketua Hakim) seharusnya mengambil tahu tentang keadaan hakim-hakim dan naib-naibnya, hendaklah dia mengkaji keputusan-keputusan mereka dan kelakuan mereka dengan orang ramai. Dan adalah menjadi kewajiban imam dan ketua hakim bertanya kepada mereka yang boleh dipercayai tentang keadaan para hakim.”<sup>19</sup>*

## Hakim Tidak Mempunyai Kekebalan

Tidak ada percanggahan di antara kebebasan hakim dan pengawasan ke atasnya, kerana kebebasan hakim bukanlah bererti tidak boleh diawasi atau dalam kata lain, hakim tidak mempunyai keistimewaan kekebalan dari pengawasan dan tindakan undang-undang. Hakim hanya mempunyai hak atau kewajiban kebebasan dalam kehakiman sahaja sedangkan Khalifah berkewajiban dan berhak mengawasi hakim, masing-masing menunaikan tanggungjawabnya tanpa wujud pertembungan selagi mana kerja-kerja itu berjalan mengikut lunas-lunas syarak tanpa melampaui batas-batas yang ditentukan. Lagipun pengawasan ke atas hakim akan lebih mendorong mereka bertindak menyelesaikan pertikaian dan dakwaan yang diangkat kepada mereka dengan kadar yang lebih segera. Kecuaian dalam menjalankan tugas dengan sempurna hakim itu berhak dipecat, sepertimana yang ditegas oleh fuqaha:

*“Tidak harus bagi hakim melambat-lambatkan keputusan setelah syarat-syaratnya dipenuhi”*

*“Hakim dengan sebab melambat-lambatkan keputusan ia berdosa, boleh dikenakan hukuman ta‘zir dan dipecat”<sup>20</sup>*

Tujuan pengawasan ke atas hakim, selain dari mendorongnya menyelesaikan kes dengan segera mungkin, ia juga dapat mengekalkan hakim yang baik dan menghindarkan hakim-hakim yang tidak baik. Apabila ternyata pengekalan seseorang hakim boleh mendatangkan keburukan disebabkan tidak mempunyai kelayakan akademik atau tidak berlaku adil, atau hilang kewarakannya, atau menerima rasuah atau menanggung dan melambat-lambatkan penyelesaian dakwaan dengan sengaja tanpa alasan yang dapat diterima, maka sama ada hakim itu wajib dipecat, atau sunat atau harus adalah bergantung kepada sebab-sebab yang dilakukan pemecatan menurut pertimbangan Khalifah atau pihak berkuasa<sup>21</sup> atau berdasar kepada peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

## Kesimpulan

Prinsip kebebasan hakim merupakan salah satu prinsip-prinsip yang terdapat dalam sistem kehakiman atau pengadilan Islam. Kebaikan prinsip ini turut diperakui oleh sarjana Barat serta diterima pakai dalam sistem kehakiman mereka, perkara-perkara ini dinyatakan oleh Montesquieu ketika beliau membincangkan teori pengasingan kuasa-kuasa kerajaan (lihat h. 286).

Kebebasan hakim memberi erti bahawa hakim atau badan kehakiman bebas dan aman dari sebarang campurtangan dan pengaruh mana-mana pihak sama ada individu mahupun kuasa-kuasa kerajaan. Maka ketua negara, badan perundangan dan eksekutif tidak harus mencampuri urusan kehakiman dan mempengaruhi hakim



agar membuat keputusan dengan tidak adil atau menyeleweng dari hukuman yang sebenar, kerana perbuatan itu adalah satu dosa.

Kebebasan kehakiman adalah hak hakim dan juga kewajipannya. Hakim perlu mempertahankan hak ini, tidak harus dibiarkan mana-mana tangan yang ingin mengganggu kerja-kerjanya. Kalau ada gangguan campurtangan dari pihak-pihak berkuasa sehingga menghalangnya dari menegak kebenaran, dia mesti meletak jawatan.

Hakim sebagai wakil Khalifah atau ketua negara, tidak mempunyai kekebalan dari segi undang-undang sehingga tidak boleh ditunjuk ajar, dibimbing dan dinasihati oleh pihak berkuasa yang melantiknya, bahkan ia juga harus terikat dengan kod etika hakim, kerana sebarang pelanggaran kod etika ini menyebabkan boleh diambil tindakan undang-undang sehingga boleh dipecat bergantung kepada ringan atau beratnya kesalahan itu.

#### Nota Hujung

1. Abdul Karim Zaidan, *Nizam al-Qada' Fi al-Syariah al-Islamiyyah*, Baghdad, 1984, h. 69.
2. Hamid Muhammad Abu Talib, *al-Tanzim al-Qada'i al-Islami*, Cairo, 1982, h. 45. 3. Perlembagaan Malaysia, Perkara 121.
4. *Ibid.*, Perkara 128.
5. Tun Mohamed Suffian, *Pengenalan Sistem Undang-undang Malaysia*, Kuala Lumpur: DBP, 1990, h. 18.
6. Muhammad al-Habib al-Tajkani, *al-Nazariyyah al-Ammah Lil-qada' Wa al-Ithbat Fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*, Baghdad, t.t., h. 56.
7. *Ibid.*, h. 56-57.
8. *Ibid.*, h. 57.
9. Maksud Hadith, lihat Jalaluddin al-Sayuti, *al-Jami' al-Saghir*, Mesir, t.t., j. 2, h. 203.
10. Sulaiman Muhammad al-Tamawi, *Umar bin al-Khattab*, Mesir 1969, h. 361.
11. Muhammad al-Habib al-Tajkani, *op.cit.*, h. 57.
12. *Ibid.*, h. 58.
13. 'Arif al-Kindi, *al-Qada' Fi al-Islam*. Damsyik 1922, h. 79; Hamid Muhammad Abu Talib, *op.cit.*, hh. 32 - 33, Muhammad Kurdi 'Ali, *al-Islam Wa al-Hadarah al-Arabiyyah*, Damsyik, t.t., j. 2, h. 134, Ibnu Khaldun, *Muqaddimah*, Mesir, 1322 H. h. 120.

14. Abu 'Umar Yusof bin Abdullah bin Muhammad, *al-Isti'ab Fi Ma'rifat al-Ashab*, Mesir. t.t. j. 2, hh. 807- 808, Izzuddin bin al-Athir al-Juzari, *Asad al-Ghabah Fi Ma'rifat al-Sahabah*, Mesir t.t. j. 3, h. 160.
15. Abdul Karim Zaidan, *op.cit.*, h. 71.
16. Abu al-Tayyib Muhammad Syams al-Azim Abadi, *'Awn al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Daud*, j. 7, hh. 417-418.
17. Abdul Karim Zaidan, *op.cit.*, hh. 72-73.
18. Ibnu al-Qaiyyim al-Jauziyyah, j. 1, hh. 71-72.
19. Ibnu Farhun, *Tabsirah al-Hukkam*, j. 1, h. 77, al-Mawaq, *al-Taj wa al-Iklil Li Mukhtasar Khalil*, J. 6, h. 114.
20. Ibnu 'Abidin, *Radd al-Muhtar 'Ala al-Durr al-Mukhtar*, j. 5, h. 423.
21. Abdul Karim Zaidan, *op.cit.*, h. 79.